

Imam Hamzah khatam setiap bulan

Bicara Qiraat

Oleh KHAIRUL ANUAR MOHAMAD

PEMILIHAN Qurra Tujuh yang dibuat oleh Ibnu Mujahid (meninggal 324 hijrah) telah memilih seorang Imam mewakili setiap kota Islam ketika itu iaitu Madinah, Mekah, Basrah dan Syam.

Bagi Kufah, Ibnu Mujahid telah memilih tiga Qurra kerana ramai Qurra yang masyhur di Kufah. Tiga Qurra yang dimaksudkan ialah Imam Asim, Imam Hamzah dan Imam al-Kisai.

Imam Hamzah dilahirkan pada tahun 80 hijrah dan meninggal dunia pada tahun 154 hijrah. Ilmu Qiraat yang dikuasai Imam Hamzah adalah hasil usaha yang berterusan yang ditimbanya daripada beberapa guru yang tersohor pada zamannya.

Antara gurunya ialah Sulaiman al-Amasy, Hamran Ibnu 'Ayun, Abi Isahaq al-Subai'e, Muhammad Ibnu Abdulrahman Ibnu Abi Laila dan lain-lain.

Ramai ulama yang bertalaqqi al-Quran dengan Imam Hamzah antaranya ialah Ibrahim Ibnu Adham, Sulaim Ibnu Isa, Sufiyan al-Thauri, Syuraik Ibnu Abdullah, Syu'ab Ibnu Harb, Ali Ibnu Hamzah al-Kisai dan lain-lain.

Imam al-Syatibiy (meninggal pada 590 hijrah) merakamkan pujian kepada Imam Hamzah dengan menyebut sebagai seorang yang rajin membaca al-Quran.

Sheikh Mahmud Khalil al-Husari menghurai kata-kata tersebut dengan



KISAH hidup Imam Hamzah yang memenuhi waktunya dengan membaca dan mengajar al-Quran dan beribadat kepada Allah SWT seharusnya menjadi contoh kepada semua umat Islam. - Gambar hiasan

menyatakan bahawa Imam Hamzah khatam al-Quran setiap bulan adalah sebanyak 25 atau 29 kali khatam.

Keilmuannya yang tinggi dalam Ilmu Qiraat mendapat perhatian Imam Abu Hanifah yang hidup sezamannya sehingga beliau berkata dua perkara; kamu mengatasi kami dan kami tidak akan berbantah dengan kamu iaitu al-Quran dan Faraid.

Beliau juga bersolat sunat antara zuhur dan asar. Dan juga melakukan solat sunat memenuhi waktunya antara maghrib dan isyak